



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

KENYATAAN MEDIA

PROGRAM MYJALAN PEMACU INFRASTRUKTUR NEGARA YANG BERKUALITI, MAMPAN, LESTARI, SELAMAT DAN SELESA

CYBERJAYA – Kementerian Kerja Raya (KKR) hari ini telah menganjurkan Seminar dan Sesi Dialog Data Jalan Program MYJalan 2025 di Cyberview Resort & Spa, Cyberjaya. Sesi ini telah menghimpunkan pelbagai pihak berkepentingan termasuk Kementerian dan Agensi Persekutuan, agensi kerajaan negeri Sabah dan Sarawak, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta wakil syarikat konsesi penyenggaraan bagi memperkukuh agenda reformasi pengurusan data jalan negara.

2. Program MYJalan yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Anwar Ibrahim pada 24 Ogos 2023 diiktiraf sebagai inisiatif penting Kerajaan MADANI untuk memastikan pengurusan jalan raya lebih selamat, sistematik dan inklusif. Sehingga 31 Julai 2025, sebanyak 40,938 aduan berkaitan jalan raya telah diterima di bawah Program MYJalan, dengan 30.4% melibatkan jalan Persekutuan manakala selebihnya 69.6% melibatkan jalan di bawah pentadbiran negeri dan pihak lain.

3. Antara cabaran utama pengurusan jalan ketika ini ialah kekurangan data yang berintegriti, seragam dan holistik. Isu-isu yang wujud merangkumi perbezaan kategori jalan, pelbagai sistem pengumpulan data yang tidak bersepadu, aduan yang tidak saling terhubung, kewujudan jalan tanpa pemilik, serta inventori jalan yang tidak lengkap. Ekosistem data jalan yang holistik merangkumi semua jalan raya di Malaysia yang terurus dan terangkum kini menjadi keperluan yang mendesak bagi memastikan infrastruktur jalan negara sentiasa berkualiti, mampan, lestari, selamat dan selesa.

3. Sebagai langkah awal, KKR telah memperkenalkan Tatacara Umum Pengurusan Data Jalan di Malaysia sebagai asas kepada reformasi tadbir urus data jalan. Melalui inisiatif ini, sekurang-kurangnya lima negeri disasarkan untuk berkongsi data jalan menjelang 2026, diikuti lapan negeri lagi pada 2027, agar matlamat integrasi 80% data jalan berintegriti di seluruh negara tercapai menjelang 2030.

4. Pendekatan ini dijangka dapat meningkatkan keselamatan jalan raya, mempercepat penyelesaian aduan rakyat, serta menyokong aspirasi Malaysia untuk berada di tangga ke-8 dunia bagi indikator infrastruktur jalan dalam World Competitiveness Ranking (WCR) oleh International Institute for Management Development (IMD) menjelang 2033.

5. Program MYJalan yang berlandaskan konsep Whole-of-Government dan Whole-of-Nation (WoGoN) terus menegaskan komitmen Kerajaan MADANI dalam menjadikan slogan "Jalan Kita, Tanggungjawab Kita" sebagai realiti demi kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara yang mampan.

#Tamat#

KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA
28 OGOS 2025

#KearahKesejahteraanRakyat
#JasaKepadaRakyat
#MYJALAN
#KerajaanMADANI
#MADANIbekerja